

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	26 MAY 2016

# Jawatankuasa nilai risiko fiskal: Najib

BH-26/5/2016

➔ Pastikan kedudukan kewangan, keupayaan kekal kukuh

Oleh Mohd Azrone Sarabatin  
azrone@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Jawatankuasa Dasar Fiskal (FPC) bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Risiko Fiskal dan Liabiliti Luar Jangka yang akan bertanggungjawab menilai risiko fiskal dan liabiliti luar jangka kerajaan Per-

sekutuan serta mengesyor langkah untuk menanganinya.

BERNAMA melaporkan, dalam kenyataan yang dikeluarkan semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata keputusan itu dicapai pada mesyuarat kali kedua FPC yang diadakan semalam untuk meneliti kedudukan terkini fiskal negara.

Najib yang juga Menteri Kewangan, berkata mesyuarat turut membincangkan *Medium Term Fiscal Framework* untuk memastikan kedudukan kewangan dan keupayaan fiskal kekal kukuh.

Ekonomi negara telah berkembang 4.2 peratus pada suku pertama dan berupaya mencapai sasaran 4.0-4.5 peratus bagi keseluruhan tahun ini.

Di samping itu, sasaran defisit fiskal 3.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

bagi tahun ini akan dapat dicapai.

"Mesyuarat turut meneliti status pelaksanaan langkah pengubahsuaian Bajet 2016 dan sehingga kini, pelaksanaan langkah itu adalah mengikut jadual dan prestasinya membanggakan," katanya.

Sementara, Perdana Menteri menerima kunjungan hormat Duta Khas Presiden China, Meng Jianzhu dan rombongannya di pejabat Perdana Menteri di Bangunan Parlimen di sini, semalam.

## Kerjasama ketenteraan

Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan memaklumkan antara perkara dibincangkan ialah kerjasama ketenteraan untuk menangani ancaman ekstremisme, keganasan, penculikan dan jenayah.

Katanya, Malaysia percaya perbincangan positif dan kerjasama



## Ahli Jawatankuasa Teknikal Risiko Fiskal dan Liabiliti Luar Jangka

- ➔ Kementerian Kewangan
- ➔ Bank Negara Malaysia
- ➔ Unit Perancang Ekonomi
- ➔ Unit Kerjasama Awam Swasta

dengan China dan negara ASEAN lain dalam bidang itu akan terus melindungi kepentingan bersama semua pihak di rantau ini.

"China turut berterima kasih kepada Perdana Menteri atas kerjasama Malaysia dalam antikeganasan dan jenayah antarabangsa termasuk penipuan telefon baru-baru ini membabitkan ramai rakyat China," kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, sebagai tindak balas kepada cabaran keselamatan yang dinamik di rantau Asia Pasifik seperti ancaman militan IS, kerjasama ketenteraan seperti pertukaran maklumat risiko juga dibincangkan.

Perdana Menteri turut berterima kasih kepada Presiden Xi Jinping atas Inisiatif Satu Jalur, Satu Jalan dan kepentingannya dalam mewujudkan integrasi ekonomi dan budaya.